

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 12 NOVEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 8

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1533-MQT2929

Tuan Suhaihan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mekanisme penggunaan kad pengenalan untuk pengesahan kelayakan penerimaan subsidi RON95 yang terdedah kepada masalah kerosakan cip kad pengenalan, capaian internet perlahan luar bandar, penipuan kelayakan, tambahan kos sistem pengesahan dan melambatkan proses pembelian minyak.

2. PR-1533-MQT2938

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :

(a) apakah langkah yang diambil oleh Kementerian terhadap impak projek ECRL terhadap biodiversiti di kawasan hutan simpan sehingga menyebabkan berlakunya konflik antara hidupan liar dengan manusia; dan

(b) langkah bagi membantu penduduk yang terkesan dengan ancaman hidupan liar yang memasuki kampung.

3. PR-1533-MQT2825

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan hala tuju dan pelan tindakan buat program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) demi menyelesaikan pelbagai isu mendesak terutama kesedaran dan penerimaan masyarakat, kekurangan sumber seperti kewangan, tenaga kerja dan kelengkapan infrastruktur yang sesuai, pendidikan dan latihan serta sokongan dalam bentuk lain.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 12 NOVEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 51

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1533-L26285
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos pengoperasian Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang bagi lima tahun yang lepas. Apakah pendapatan dan perbelanjaan dana awam ini dan apakah ia diaudit oleh mana-mana pihak.

2. PR-1533-L26221
Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah langkah pencegahan yang diambil ekoran insiden penutupan tiga buah sekolah di Johor selepas terdedah dengan pencemaran bau kimia pada September lalu serta tindakan pemantauan yang dijalankan bagi mengelakkan insiden seumpama ini daripada berulang.

3. PR-1533-L26741
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pelantikan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam perkhidmatan awam mengikut kategori ketidakupayaan bagi 2023 dan 2024 serta perbandingan dengan jumlah permohonan OKU dan langkah menangani ketidakseimbangan tersebut.

4. PR-1533-L26709

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif pembaharuan Kementerian secara komprehensif khususnya dalam memacu pertumbuhan sektor PMKS yang kini menyumbang kira-kira 39.1% kepada KDNK dengan pertumbuhan sekitar 5% pada 2023 dan nilai ditambah berjumlah RM613.1 bilion.

5. PR-1533-L27243

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh mana bioteknologi digunakan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan kandungan nutrisi makanan haiwan yang berasal dari tumbuhan, contohnya pokok ketum ayam, rumput napier dan lain-lain.

6. PR-1533-L27486

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian semasa Kerajaan Malaysia berserta bentuk-bentuk bantuan kemanusiaan yang telah dihulurkan dan berapa kos yang telah diperuntukkan tahun 2023-2024 bagi krisis kemanusiaan Gaza sejak Perang Hamas-Israel yang bermula 7 Oktober 2023 sehingga kini.

7. PR-1533-L26198

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perkembangan terkini berkaitan indikator baharu yang akan ditetapkan oleh Kementerian bagi mengukur kos sara rakyat dan mekanisme yang disediakan bagi menangani kos sara hidup rakyat luar bandar khususnya akibat peningkatan kos pengangkutan susulan penyasaran subsidi bersasar.

8. PR-1533-L26394

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menontohkan isu pensijilan halal terhadap restoran serta syarikat makanan yang telah menjadi polemik dalam kalangan masyarakat dan dibimbangi boleh menganggu-gugat perpaduan antara kaum di dalam negara.

9. PR-1533-L26430

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejak penubuhan Kerajaan Perpaduan, sejauh mana usaha menarik pelaburan asing ke Malaysia berjaya dilakukan setakat ini.

10. PR-1533-L26084

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes penderaan bayi di taman asuhan di seluruh negara dan apakah langkah pengawalan agar kejadian penderaan tidak berulang.

11. PR-1533-L26726

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :

- (a) strategi Kementerian untuk meningkatkan penggunaan kenderaan elektrik (EV) di Malaysia bagi tempoh lima tahun akan datang mengikut tahun; dan
- (b) sejauh manakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan keupayaan infrastruktur bagi menyokong penggunaan kenderaan EV di Malaysia.

12. PR-1533-L26853

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha yang diambil untuk meningkatkan jumlah pelancong untuk bercuti di pulau-pulau peranginan dalam negara di sebelah pantai timur (seperti Pulau Tioman dan Pulau Perhentian) yang kurang aktiviti ekonomi berbanding pulau-pulau peranginan di Pantai Barat (seperti Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor).

13. PR-1533-L27577

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana Kementerian merancang untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan, terutamanya dalam bidang STEM dan kepimpinan, serta apakah inisiatif yang sedang dijalankan untuk menyokong usahawan wanita, terutamanya dalam kalangan wanita luar bandar.

14. PR-1533-L27018

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status cadangan supaya JAKIM mewajibkan pensijilan halal bagi restoran dan syarikat makanan yang tidak menyediakan hidangan daging babi dan alkohol.

15. PR-1533-L27054

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah komprehensif dan bersepada yang diambil oleh Kementerian bagi memperkuuh dan memperketatkan kawalan sempadan khususnya di Parlimen Kalabakan bagi menangani masalah penyaludupan barang kawalan, bersubsidi dan tidak bercukai.

16. PR-1533-L26647

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan susulan Kementerian melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) ekoran insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India termasuk status laporan teknikal hasil siasatan berkaitan geologi dan struktur bawah permukaan dengan kerjasama Task Force Struktur Tanah Masjid India.

17. PR-1533-L27472

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil Mesyuarat Majlis Tindakan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) mengenai penambahan bilangan kerusi Parlimen di Sabah dan Sarawak dan garis masa yang ditetapkan.

18. PR-1533-L26839

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk sokongan Kerajaan Persekutuan yang diberikan kepada negeri Kedah dalam merealisasikan Tahun Melawat Kedah 2025.

19. PR-1533-L26634

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia mengenai kapal-kapal Pengawal China yang dikesan memasuki Perairan ZEE Malaysia dan bagaimana Malaysia dapat menangani konflik sempadan di perairan Laut China Selatan.

20. PR-1533-L27237

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah kesan terhadap kedudukan kewangan Petroliam Nasional Berhad (Petronas) ekoran langkah Petroleum Sarawak Bhd (Petros) yang mengambil alih aktiviti jual beli dan perolehan gas dan minyak (O&G) negara di Sarawak.

21. PR-1533-L27377

Tuan Suhaihan bin Kaiat [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan punca penolakan Pembangkang terhadap Perjanjian Peruntukan Parlimen dan perbezaan perjanjian sekarang dengan era Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob menjadi Perdana Menteri.

22. PR-1533-L26200

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berkenaan penyelewengan dan penyeludupan LPG bersubsidi bagi tempoh Januari 2022 hingga Disember 2023 :

- (a) jumlah operasi dan tangkapan yang dilaksanakan serta jumlah kerugian yang ditanggung; dan
- (b) tindakan pencegahan bagi mengelakkan aktiviti penyeludupan.

23. PR-1533-L27396

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dasar atau agenda utama yang ingin dibawa oleh Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 dan apakah sasaran atau objektif yang ingin dicapai oleh pihak Kerajaan.

24. PR-1533-L26069

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) sejauh mana usaha pertukaran hak milik peneroka melalui penyeragaman sistem pengurusan FELDA dilakukan; dan
- (b) apakah cadangan peruntukan baharu yang akan diwujudkan bagi kemudahan peneroka FELDA seperti yang dimaklumkan dalam persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga.

25. PR-1533-L26547

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan pihak JAKIM untuk menarik lebih ramai pengusaha Bumiputera dalam memiliki sijil halal bagi produk mereka kerana jika merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM, 72 peratus produk yang memiliki status halal adalah milik bukan Bumiputera.

26. PR-1533-L26110

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh Kementerian dalam menangani kes kematian bayi / kanak-kanak akibat didera di rumah pengasuh atau di taman asuhan kanak-kanak yang kini semakin kerap berlaku dan membimbangkan masyarakat.

27. PR-1533-L27000

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah hasil Lawatan Negara Duli Yang Maha Mulia Yang di Pertuan Agong ke Beijing, China dan jangka waktu untuk lawatan balas dari Presiden China ke Malaysia.

28. PR-1533-L26254

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan yang sepatutnya Ahli Parlimen Kuala Krau dapat, dan sekiranya peruntukan tersebut telah pun disalurkan ke kawasan Kuala Krau, pihak manakah yang menerimanya dan bertanggungjawab untuk mengagihkannya.

29. PR-1533-L27295

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menurut laporan State of Global Islamic Economy (SGIE) 2023, industri halal dijangka berkembang kepada AS\$113.2 bilion menjelang 2030 dengan Malaysia menduduki tempat pertama dalam sektor makanan halal. Apakah perancangan Kementerian untuk mempermudahkan dan mempercepatkan proses permohonan sijil halal di Malaysia.

30. PR-1533-L26662

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk membangunkan industri petroleum bersama Indonesia di Blok ND6 dan Blok ND7 yang juga dirujuk sebagai Ambalat oleh negara Indonesia.

31. PR-1533-L27545

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah skim insentif dan geran yang diperuntukkan Kerajaan untuk pembangunan industri pembuatan tempatan dalam tahun 2024 dan peratusannya yang telah diagihkan untuk industri di Sarawak.

32. PR-1533-L26658

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan susulan terkini yang diambil oleh Kerajaan memastikan isu berkaitan dengan kedaulatan dan keselamatan negara di perairan zon ekonomi eksklusif (ZEE) Malaysia memandangkan baru-baru ini terdapat beberapa laporan tuntutan dan insiden pencerobohan dari negara China.

33. PR-1533-L26686

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan rombakan Parlimen Malaysia termasuk pewujudan Hari Pembangkang seperti terkandung dalam Peraturan Mesyuarat 14(2) Dewan Rakyat Britain dan saluran *e-Petition*.

34. PR-1533-L26402

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan komitmen tuntas Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada untuk mengeluarkan Malaysia daripada menjadi 'tong sampah' dunia apabila negara menjadi tapak pelupusan sisa plastik dan bahan buangan elektronik dari beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Belanda, Jepun dan Australia.

35. PR-1533-L27566

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang merentasi pelbagai Kementerian bagi memantau khusus projek-projek infrastruktur asas di Sabah dan Sarawak dengan matlamat merapatkan segera jurang pembangunan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

36. PR-1533-L26721

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) berapa jumlah restoran makanan milik pengusaha tempatan dan antarabangsa yang memiliki pensijilan halal Malaysia dan perancangan meningkatkan prasarana bagi membantu mempercepatkan pengeluaran sijil halal; dan
- (b) apakah JAKIM berhasrat mengadakan standard baru untuk pensijilan halal iaitu satu standard dan logo baharu seumpama "Halalan Toyyiban".

37. PR-1533-L27516

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas agensi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) susulan laporan Ketua Audit Negara bulan Julai 2024. Adakah siasatan SPRM melibatkan unsur Criminal Breach of Trust (CBT) juga.

38. PR-1533-L27430

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bilakah keputusan berkenaan prosedur Perlombongan NREE akan dimuktamadkan dan apakah manfaat kepada Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri yang terlibat.

39. PR-1533-L27181

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini dan perincian National Semiconductor Strategy. Apakah langkah sokongan yang akan digerakkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan potensi industri semikonduktor terutamanya dalam peringkat *high-end*.

40. PR-1533-L27147

Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menyemak kembali amalan federalisme selepas 67 tahun negara merdeka dan langkah-langkah yang akan dilakukan Kerajaan untuk memperkenal sebarang mekanisma baru bagi tujuan memperkuuh konsep federalisme sedia ada.

41. PR-1533-L26945

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana pihak Kementerian dapat membantu untuk mengurangkan masalah gelandangan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan bandar lain selain dari yang disediakan oleh Dewan Bandaraya.

42. PR-1533-L26428

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Akta Keselamatan Siber 2024 (Akta 854) akan dilaksanakan, dipantau dan dikuatkuasakan dengan adil dan bebas.

43. PR-1533-L27447

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah sebenar peruntukan yang telah digunakan bagi setiap Peruntukan Pembangunan yang telah diumumkan untuk negeri Sabah bagi tahun 2021, 2022, dan 2023 dengan masing-masing berjumlah RM5.1 bilion, RM5.2 bilion dan RM6.5 bilion.

44. PR-1533-L26335

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan segera dan strategi jangka panjang untuk mengatasi masalah pencemaran sungai yang dilihat tidak pernah selesai terutamanya di kawasan perindustrian seperti yang sering berlaku di negeri Johor.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 45/2024) Rang Undang-undang Perbekalan 2025 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (11 November 2024)**

DAN

Usul dibuat oleh YAB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lapan puluh lapan bilion ringgit (RM88,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2025, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2024, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (11 November 2024)

2. (D.R.43/2024) Rang Undang-Undang Industri Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]
3. (D.R.19/2024) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. “

[Perdana Menteri]
4. (D.R.18/2024) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

5. (D.R.20/2024) Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

6. (D.R.44/2024) Rang Undang-Undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024. “

[Menteri Pengangkutan]

7. (D.R.46/2024) Rang Undang-Undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024. “

[Menteri Sumber Manusia]

8. PR-1533-U(27)339
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk meneliti dan meningkatkan kadar gaji minimum. Kali terakhir Kerajaan menyemak semula gaji minimum pada Mei 2022 dengan kenaikan daripada RM1,200 kepada RM1,500. Walaupun kenaikan itu merupakan langkah positif terutama dalam menyediakan taraf hidup yang lebih selesa bagi mereka yang berpendapatan rendah, keimbangan kekal mengenai kesan jangka panjangnya disebabkan potensi inflasi.

Adalah diharapkan peningkatan gaji minimum dapat diuruskan dengan baik bagi merangsang pertumbuhan produktiviti perniagaan. Adalah penting untuk menangani cabaran seperti kemerosotan daya saing dan kekurangan bakat mahir. Kerajaan mesti melabur dalam teknologi, peningkatan kemahiran tenaga kerja dan langkah kalis masa depan sambil menguruskan tekanan inflasi untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Sudah tiba masanya untuk Kerajaan mengkaji kenaikan gaji minimum bagi membantu mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamaan di samping mengimbangi tekanan inflasi dan mengekalkan daya saing ekonomi."

[Menteri Sumber Manusia]

9. PR-1533-U(27)340

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan semula GST supaya dapat mengimbangi keperluan fiskal negara yang semakin meningkat.

Peralihan daripada GST kepada SST pada 2018 telah mengurangkan hasil cukai dengan ketara. Walaupun kadar Cukai Perkhidmatan telah meningkat dari 6% kepada 8% pada 2024, hasil tahunan kekal jauh di bawah paras era GST. Kekurangan ini menghalang pembangunan infrastruktur.

Sudah tiba masanya pengenalan semula GST dan sistem pulangan cukai yang lebih cekap dan efisien akan merangsang pertumbuhan pendapatan Kerajaan. Hasil ini mestilah disalurkan untuk pembangunan infrastruktur justeru terus meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Adalah diharapkan pelaporan yang telus tentang penggunaan kutipan cukai tersedia bagi terus membina kepercayaan masyarakat umum terhadap keperluan kutipan cukai yang lebih efisien."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1533-U(27)341

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji dan menyediakan satu kaedah yang mampan bagi membiayai perkhidmatan kesihatan awam dalam negara.

Sistem penjagaan kesihatan Malaysia menghadapi kos yang semakin meningkat, pergantungan yang besar kepada pembiayaan Kerajaan, perbelanjaan isi rumah tinggi, perlindungan insurans yang terhad, dan ketidaksamaan dalam akses penjagaan kesihatan. Sistem perkhidmatan kesihatan awam berada di bawah tekanan, manakala penjagaan swasta masih tidak mampu dimiliki oleh ramai orang.

Sudah tiba masanya satu kaedah yang inklusif bagi menjamin kemampuan sistem perkhidmatan kesihatan negara di samping terus memberikan perkhidmatan yang cekap kepada masyarakat umum."

[Menteri Kesihatan]

11. PR-1533-U(27)342

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk membentangkan satu Kertas Putih Kesihatan Mental Kebangsaan.

1 daripada 3 rakyat Malaysia mempunyai isu kesihatan mental, dengan jumlah tertinggi adalah di kalangan mereka yang berumur 16-19 tahun serta mereka daripada keluarga berpendapatan rendah.

Kesihatan mental turut menjelaskan satu daripada enam kanak-kanak berumur lima hingga 15 tahun di Malaysia. Masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak telah melonjak daripada 7.9% pada 2019 kepada 16.5% pada 2023.

Adalah diharapkan, kertas putih ini dapat menggariskan isu dan punca masalah mental yang semakin meruncing dalam kalangan masyarakat supaya semua pemegang taruh memberikan solusi terbaik bagi menangani masalah ini."

[Menteri Kesihatan]

12. PR-1533-U(27)346

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

13. PR-1533-U(27)348

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang berlarutan dan sehingga kini belum ada penyelesaian tuntas. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan sehingga November 2023, kira-kira 1,069 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan yang disebabkan oleh kecuaian ibu bapa dan penjaga Kanak-kanak adalah masa depan negara. Usaha menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang dilihat membimbangkan perlu ditangani secara menyeluruh dan membabitkan pelbagai pihak.

Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah proaktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala serta meneliti semula undang-undang serta garis panduan yang berkaitan. Perkhidmatan dalam hal membabitkan perlindungan, pemulihan dan pemeliharaan kanak-kanak perlu diperkuuh dan direalisasikan."

[Menteri Dalam Negeri]

14. PR-1533-U(27)350

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara teperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan asas seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran.

Perancangan penyelesaian jangka pendek, perancanaan jangka panjang yang komprehensif serta penguatkuasaan yang lebih 'keras' terhadap golongan kartel orang tengah antara faktor pengukuhan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan.

Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada pengguna sebagai *end user* mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi perlu mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah bagi memastikan keterjaminan makanan (*food security*)."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

15. PR-1533-U(27)352

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam.

Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

16. PR-1533-U(27)353

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaikpulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron.

Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yangberlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Perdana Menteri]

17. PR-1533-U(27)354

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan negeri. Berdasarkan pelan RMKe-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan.

Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu.

Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

[Menteri Ekonomi]

18. PR-1533-U(27)355

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar *rebranding* daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan.

Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja.

Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

19. PR-1533-U(27)356

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan.

Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

[Menteri Komunikasi]

20. PR-1533-U(27)357

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan masuk dan keluar sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua Kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu.

Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya.

Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu.

Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya FreeFlow ini,Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

[Menteri Dalam Negeri]

21. PR-1533-U(27)358

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada yang berkaitan Warisan Arkeologi Negara dan merangka satu pelan tindakan khusus bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan. Penemuan-penemuan arkeologi seperti artifak tembikar, seramik, lukisan purba, rangka manusia purba dan lain-lain artifak amat penting untuk dihayati dan dipelajari kerana data yang dihasilkan dapat membantu merungkai persoalan-persoalan tentang perkembangan hidup dan tamadun manusia silam.

Malahan, ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan pensejarahan negara yang utama. Akan tetapi masih banyak lagi tapak-tapak penemuan arkeologi yang ditemukan tidak dikaji sepenuhnya kerana beberapa faktor terutamanyakekangan kewangan hingga menyebabkan kebanyakan tapak tersebut ditinggalkan tanpa sebarang kajian menyeluruh mahupun pemeliharaan khusus.

Oleh hal yang demikian, kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) wajar mengkaji dan merangka satu pelan tindakan bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan supaya tapak-tapak arkeologi tersebut dapat dijadikan sebagai subjek kebanggaan dan identiti negara yang berbilang kaum dan agama yang boleh dihayati dan diambil iktibar.

MOTAC amnya boleh mengambil contoh kerangka tindakan daripada negara lain seperti China, Korea, Jepun dan Turki tentang kaedah-kaedah kajian, pemeliharaan dan pemuliharaan yang telah mereka berjaya lakukan melalui kerjasama strategik antara negara.

Hal ini juga sekali gus akan dapat menangani isu kemerosotan minat generasi muda terhadap Sejarah kerana generasi ini dilihat lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan teknologi digital dan hiburan. Pembentukan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara amat penting melalui pendekatan Sejarah ini agar semangat kenegaraan atau cinta akan negara itu dapat dipupuk sebaiknya."

[Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya]

22. PR-1533-U(27)359

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan menyegerakan kelulusan dan penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan terutamanya melibatkan penurapan tar di jalan-jalan yang menghubungkan laluan ke perkampungan Orang Asli dan memperbanyakkan pemasangan lampu jalan di Nenggiri, Kelantan.

Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Nenggiri baru-baru ini, pihak Kerajaan telah mengetahui bahawa kawasan tersebut memerlukan peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang menyeluruh khususnya di kawasan perkampungan Orang Asli seperti Pos Gob, Pos Tohoi, Pos Simpor dan Pos Pasik.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) wajar mengambil perhatian dan tindakan segera terhadap kekurangan infrastruktur dan kemudahan di kawasan perkampungan Orang Asli di Nenggiri Kelantan kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang mempunyai hak untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan Kerajaan."

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

23. PR-1533-U(27)360

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran royalti petroleum kepada negeri Terengganu dan negeri Kelantan sebagai komitmen dalam memastikan pengagihan hasil petroleum yang adil dan saksama.

Tuntutan ini adalah selaras dengan hak rakyat dan negeri sebagaimana termaktub dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974. Kedudukan pelantar minyak juga bersetentang dengan kawasan perairan Negeri Terengganu dan Kelantan. Prinsip Federalisme perlu dihormati dan dipatuhi Kerajaan Persekutuan dengan menunaikan hak yang dituntut oleh rakyat di kedua-dua negeri tersebut."

[Menteri Kewangan]

24. PR-1533-U(27)361

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran Wang Ehsan kepada negeri-negeri di bawah pentadbiran Pembangkang. Pembangunan seimbang antara wilayah amat penting agar rakyat menikmati kemudahan infrastruktur dan kemudahan yang setara. Bantuan Wang Ehsan ini akan dapat membantu negeri-negeri tersebut melaksanakan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat amnya."

[Menteri Kewangan]

25. PR-1533-U(27)343

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk kembali mempertimbangkan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Dengan mengambil kira implikasi ekonomi Malaysia yang pada masa ini berada pada tahap yang agak baik serta kestabilan Kerajaan Perpaduan pimpinan YAB Perdana Menteri yang semakin mengukuh, telah ramai pihak termasuklah penganalisis bank berpendapat sekarang adalah masa yang tepat untuk Kerajaan memperkenalkan semula GST.

Menerusi GST, Kerajaan berpotensi untuk meluaskan lagi asas cukai bagi mengurangkan defisit fiskal, mewujudkan ruang utama untuk pelaburan infrastruktur serta menghasilkan peluang bagi mengawal hutang negara dengan lebih baik. Malah, dengan pelaksanaan berperingkat e-invois bermula 1 Ogos 2024, yang juga merupakan antara komponen GST, telah memberikan ruang yang baik untuk Kerajaan melaksanakan kembali GST.

Malaysia tidak harus tertinggal di belakang negara Asia Tenggara lain yang telah melaksanakan GST seperti Indonesia yang melaksanakan *Value Added Tax (VAT)* pada 1985, Thailand pada tahun 1992 dan Singapura pada 1994 selain GST ini telah dilaksanakan di lebih 150 negara.

Kerajaan boleh menstruktur semula GST dengan lebih kemas melalui kerangka dasar yang komprehensif meliputi semua barang dan perkhidmatan dengan sesetengah barang boleh dikecualikan, selain satu kadar cukai yang dianggap positif."

[Menteri Kewangan]

26. PR-1533-U(27)344

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk segera mengambil ketetapan dalam menangani isu kritikal kemudahan penjagaan kesihatan awam yang kekurangan tenaga mencukupi. Malah, hampir ke semua klinik dan hospital Kerajaan di seluruh negara dilaporkan beroperasi dalam keadaan kurang kakitangan sehingga menyebabkan berlaku lambakan tugas dan memanjangkan lagi tempoh menunggu.

Dengan mengambil kira laporan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) yang mendapati hanya lima peratus kemudahan penjagaan kesihatan awam di negara ini mempunyai tenaga yang mencukupi, sudah tiba masanya untuk Kerajaan menyediakan solusi yang lebih konkret serta komprehensif bagi mengelakkan keruntuhan sistem kesihatan negara.

Fenomena perhijrahan cendekiawan, dengan peningkatan mendadak doktor yang berhenti dan tidak menerima jawatan tetap adalah satu perkara yang serius dan memerlukan tindakan segera dari Kerajaan. Kebimbangan ini perlu dirawati menerusi reformasi industri kesihatan terutamanya apabila Kertas Putih Kesihatan telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun lalu."

[Menteri Kesihatan]

27. PR-1533-U(27)345

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

[Menteri Kewangan]

28. PR-1533-U(27)347

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk menubuhkan satu suruhanjaya bagi menyiasat kes-kes serta isu-isu jenayah eksloitasi kanak-kanak merangkumi penderaan, pengantunan dan eksloitasi yang semakin berleluasa di Malaysia.

Kebelakangan ini negara kita telah digemparkan dengan kes terkait 'Global Ikhwan Service and Business Holding' (GISB) sepertimana yang dilaporkan oleh pihak media dan juga isu membabitkan "Abang Bas" yang tular di media sosial yang memperlihatkan jenayah berkaitan kanak-kanak seakan sudah menjadi barah di negara kita.

Sehubungan itu, Kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih tegas dalam menangani isu ini bagi memastikan kanak-kanak di negara kita dapat menikmati masa kecil mereka dalam persekitaran yang lebih selamat dan kondusif."

[Menteri Dalam Negeri]

29. PR-1533-U(27)349

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk menjalankan penelitian kajian yang menyeluruh bagi fasiliti ataupun jalan raya yang terdapat kebarangkalian dan boleh diklasifikasikan sebagai titik panas untuk berlakunya kejadian lubang benam (*sink hole*) yang semakin menjadi kerisauan dalam kalangan warga kota mutakhir ini.

Kebelakangan ini, kita telah dikejutkan dengan insiden yang mengakibatkan peristiwa menyayat hati, telah meragut nyawa seorang wanita susulan kejadian tanah mendap yang berlaku di kawasan Masjid India, di ibu kota Kuala Lumpur selain beberapa kejadian lain yang berlaku di Jalan Sultan Ismail, Pantai Dalam dan juga di Kompleks Bunga Raya, Terminal KLIA.

Kewujudan lubang benam ini ternyata mencetuskan polemik dalam kalangan rakyat mengenai sejauh manakah Kuala Lumpur ini selamat untuk diduduki pada masa akan datang. Pembangunan tanpa henti, sistem saliran yang huru hara, kejadian mendapan atau pasir jerlus, pengaliran keluar air bawah tanah, bebanan melampau, pergerakan fizikal termasuk pembangunan persekitaran dilihat antara faktor kepada fenomena ini untuk berlaku.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan strategi yang lebih holistik bagi melenyapkan keresahan rakyat dengan melakukan pemetaan semula serta ujian integriti untuk semua sistem saliran di seluruh Kuala Lumpur bagi memastikan tiada lagi kejadian yang tidak diingini daripada berlaku. Adalah lebih baik kita mencegah daripada merawat sebelum berlaku kejadian yang lebih teruk."

[Perdana Menteri]

30. PR-1533-U(27)351

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk meneliti dengan lebih mendalam dan penuh hikmah berhubung laporan bertajuk 'Transitioning Futures, Anticipating Change: Socioeconomic Futures of Malaysia's Climate and Demographic Transition', oleh Program Pembangunan Pertubuhan BangsaBangsa Bersatu (UNDP) yang membangkitkan kebimbangan mengenai perubahan akibat perubahan iklim dan demografi masa depan.

Hari terpanas Malaysia pada tahun 2050 dijangka mencecah pada suhu 40.8°C dan juga turut akan menjadi sebuah negara yang diklasifikasikan sebagai sangat tua (*super-aged*) menjelang tahun 2056.

Malaysia dianggar memerlukan hampir RM392 bilion bagi menyesuaikan diri dengan perubahan iklim dalam tempoh 50 tahun mendatang dan dengan pertumbuhan penduduk yang lebih perlana dan tenaga kerja yang mengecut akan menyebabkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menurun sebanyak satu pertiga menjelang 2050.

Justeru, Kerajaan perlu mengambil pendekatan proaktif bermula sekarang dalam menangani isu perubahan iklim dan isu tenaga kerja yang semakin tua yang secara tidak langsung memberi kesan kritis terhadap struktur ekonomi serta pasaran buruh kerana kedua-duanya mempengaruhi mata pencarian dan kestabilan ekonomi negara."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

31. PR-1533-U(27)362

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima kewujudan Seksyen (1) Perkara 112C Bahagian 4 Jadual Kesepuluh dan Seksyen (2) Bahagian 4 Jadual Kesepuluh dalam Perlembagaan Persekutuan serta penguatkuasaannya dan menerima hakikat bahawa hak ini adalah hak-hak Perlembagaan Rakyat Sabah.

Menerima juga hakikat bahawa terdapat kekeliruan dalam pelaksanaan hak-hak perlembagaan ini dan bahawa selama 44 tahun (1974 – 2018), kadar pemberian khas di bawah peruntukan tersebut gagal dikaji oleh Kerajaan Persekutuan.

Memperakui langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan selepas penubuhan kerajaan Pakatan Harapan 2018 sehingga kini iaitu bermula dengan menaikkan pemberian kepada RM53.4 juta, kemudian dinaikkan Kerajaan Perikatan Nasional ke RM125.6 juta, pada tahun 2023, dan kemudian Kerajaan Madani naikkan kepada RM300 juta dan baru-baru ini dinaikkan lagi kepada RM600 juta.

Dan menerima hakikat bahawa semua langkah-langkah ini bersifat sementara (interim) sebelum Kerajaan Sabah dan Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk melaksanakan hak Perlembagaan Rakyat Sabah sepenuhnya.

Menerima hakikat bahawa pelaksanaan ini mengambil masa begitu panjang sehingga sekarang iaitu negara Malaysia sudah berusia 61 tahun.

Maka, Tuaran ingin mengusulkan supaya Dewan yang mulia ini membuat keputusan untuk melaksanakan Hak Perlembagaan Rakyat Sabah ini secara tuntas termasuk meminda perkara 97 (1) Perlembagaan Malaysia untuk membolehkan kerajaan Sabah memungut 40% daripada pungutan hasil Persekutuan daripada Sabah secara lansung."

[Perdana Menteri]

32. PR-1533-U(27)363

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima sejarah perang saudara di Selatan Filipina pada awal 70-an yang mengakibatkan ribuan pelarian perang dari Filipina melarikan diri ke Sabah. Menerima hakikat bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui Suruhanjaya Tinggi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) telah turun padang dan membantu pelarian ini dengan mewujudkan sekurang-kurang lima (5) skim penempatan pelarian di Sabah (Telipok, Kinarut, Kampung Bahagia Sandakan, Kampung Selamat Semporna dan Kampung Hidayat Tawau).

Dan menerima hakikat kerajaan Sabah telah bekerjasama dengan UNHCR sehingga mewujudkan sebuah bahagian di Jabatan Ketua Menteri untuk menguruskan penempatan UNHCR ini.

Menerima juga hakikat apabila setelah UNHCR menyerahkan penempatan ini kepada Federal Task Force di bawah Majlis Keselamatan Negara, terdapat kecelaruan dari segi urus tadbir pelarian perang Filipina di Sabah, sehingga penempatan mereka telah bercampur aduk dengan mereka yang bukan pelarian yang menyebabkan banyak masalah dari segi urus tadbir kewarganegaraan dan pelbagai aspek bantuan kemanusiaan.

Menerima hakikat bahawa pelarian perang Filipina ini telah diberi pelbagai dokumen bermula dengan kad burung-burung, kad benci dan selepas itu dokumen IMM13 sehingga sekarang. Menerima juga hakikat bahawa pelbagai pendekatan untuk menaik taraf bentuk dan cara pengeluaran dokumen ini telah banyak dipolitikkan dan akhirnya kini tidak ada kata putus apakah dokumen baru yang diberikan kepada golongan pelarian perang Filipina ini.

Menerima juga hakikat bahawa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja telah ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia mencari penyelesaian tuntas terhadap kehadiran golongan pelarian perang Filipina di Sabah, namun itu pun telah gagal memberi apa-apa penyelesaian. Malah ramai yang menganggap langkah ini sebagai mainan politik semata-mata.

Oleh sebab itu, Tuaran mengesyorkan supaya Dewan yang mulia ini membahaskan masalah pelarian perang Filipina dengan mengambil kira bagaimanakah masa depan mereka yang kini sudah tiga generasi selepas beranak pinak di Sabah, sehingga kerajaan dapat mengambil tindakan yang tegas sebelum masalah ini menjadi lebih besar yang boleh menggugat kestabilan dan kedaulatan negara."

[Perdana Menteri]

33. PR-1533-U(27)364

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa masih terdapat beberapa negara yang mengeluarkan Travel Advisory Note terhadap rakyat mereka.

Dan menerima hakikat bahawa Travel Advisory Note ini membantutkan pelaburan dan perkembangan industri pelancongan terutama sekali di Pantai Timur, Sabah.

Menerima hakikat bahawa kerajaan telah pun menujuhkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) pada 1 April 2013 dan telah pun beroperasi selama 11 tahun hingga kini.

Menerima juga hakikat bahawa Kerajaan Sabah sudah membelanjakan berjuta ringgit untuk ESSCOM.

Menerima hakikat bahawa dua taman perindustrian di Sabah terletak di Pantai Timur iaitu Kluster Industri Minyak Sawit (POIC) Sandakan dan POIC Lahad Datu, yang mana kejayaan mereka adalah bergantung kepada hal-ehwal keselamatan.

Oleh itu, Dewan yang mulia ini perlu ditangguhkan untuk membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan keadaan keselamatan di Pantai Timur Sabah terkawal, sehingga negara-negara yang mengeluarkan Travel Advisory Note tersebut mengubah amaran atau dasar mereka."

[Menteri Dalam Negeri]

34. PR-1533-U(27)365

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa kos pembekalan elektrik (penjanaan, penghantaran dan pengagihan) di Sabah adalah lebih tinggi daripada kadar jualan seunit elektrik menyebabkan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) mengalami kerugian dan terpaksa bergantung kepada subsidi sokongan tarif (TSS) daripada persekutuan dengan kadar RM850 juta setahun.

Menerima juga hakikat bahawa kerajaan perlu mengambil langkah-langkah bagi memastikan penjanaan elektrik mencapai 40% rizab margin dan kos pembekalan elektrik berada di bawah paras jualan untuk mengurangkan beban Kerajaan Persekutuan dalam menampung subsidi sokongan tarif (TSS).

Oleh itu, maka dengan ini Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini dapat membahaskan langkah-langkah yang boleh diambil sehingga kerajaan dapat mencari jalan penyelesaian yang tepat untuk menstabilkan bekalan elektrik di Sabah."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

35. PR-1533-U(27)366

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa import makanan negara masih lagi tinggi termasuklah makanan ternakan.

Dan menerima hakikat bahawa tanah yang masih lagi luas untuk dimajukan sebagai tanah pertanian terdapat di Sabah dan Sarawak.

Menerima juga hakikat infrastruktur perhubungan masih lagi pada tahap yang rendah menyebabkan pelbagai usaha untuk meningkat keterjaminan makanan terhalang.

Maka itu, Tuaran mengusulkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan untuk membincangkan langkah-langkah dalam mengatasi dan menaik taraf jalan-jalan pertanian di Sabah dan Sarawak."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

36. PR-1533-U(27)367

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa kawal selia bekalan Elektrik di Sabah telah pun diserahkan kepada Kerajaan Sabah daripada Kerajaan Persekutuan selepas Kelulusan Rang Undang-Undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 (Akta 725) dan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023 (Akta 726) dalam sidang Dewan Rakyat pada tahun 2023.

Menerima hakikat penyerahan kawal selia telah dimuktamadkan selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah meluluskan tiga Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan Negeri Sabah pada 03 Januari 2024 berkaitan pengambilalihan kuasa kawal selia bekalan elektrik daripada kerajaan Persekutuan membabitkan RUU Bekalan Elektrik 2024, Tenaga Boleh Baharu 2024 dan RUU Suruhanjaya Tenaga Sabah (Pindaan) 2024.

Dan menerima hakikat bahawa kawal selia bekalan elektrik di Sabah kini berada di bawah Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS), manakala Wilayah Persekutuan Labuan masih di bawah seliaan Suruhanjaya Tenaga (ST) Malaysia.

Menerima juga hakikat bahawa syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) merupakan satu-satunya syarikat utiliti yang membekalkan tenaga elektrik kepada Wilayah Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dan menerima hakikat bahawa jarak geografi Labuan adalah lebih dekat dengan Sabah berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Justeru, Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan bagi membuat keputusan pemindahan kawal selia bekalan elektrik Labuan daripada ST kepada ECoS bagi memudahkan pemantauan, meningkatkan kecekapan pengurusan serta mempermudahkan segala urusan dan menjimatkan kos."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

37. PR-1533-U(27)368

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat sejarah bahawa Pulau Labuan diserahkan oleh Kerajaan Sabah menjadi Wilayah Persekutuan dengan niat suci untuk tujuan membangunkan Labuan dengan pesat.

Menerima hakikat Kerajaan Persekutuan telah gagal membangunkan Labuan termasuklah menyediakan utiliti bekalan air dan elektrik.

Menerima hakikat bahawa rakyat Labuan adalah juga rakyat Sabah yang masih terikat dengan adat istiadat Sabah dan oleh itu masih lagi memerlukan perkhidmatan sistem Mahkamah Anak Negeri dan seterusnya memerlukan bimbingan dan perkhidmatan di pelbagai agensi Kerajaan Sabah.

Menerima hakikat bahawa penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah dibuat tanpa mengambil kira kesan terhadap persempadanan Sabah.

Dan menerima hakikat penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan tidak diberi pampasan walau satu sen pun kepada Sabah.

Menerima hakikat bahawa Pulau Labuan terlalu dekat dengan Sabah, dan penduduk serta rakyat Labuan mempunyai ikatan yang sangat kuat dengan penduduk Sabah.

Maka dengan itu, Tuaran mengusulkan di Dewan yang mulia ini agar Kerajaan Persekutuan mengembalikan semula Labuan kepada Sabah."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 118	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (KRAF) Bagi Tahun 2022	12 November 2024
ST. 122	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) Bagi Tahun 2022	12 November 2024
ST. 123	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Bagi Tahun 2022	12 November 2024
ST. 128	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) Bagi Tahun 2022	12 November 2024
ST. 152	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Tahun 2022	12 November 2024
ST. 167	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) Bagi Tahun 2022	12 November 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Tuan Nurul Amin bin Hamid (Padang Terap)	1. Monopoli Pembelian Padi oleh Pengilang Beras 2. Kelewatan Pembinaan Semula Masjid Muadzam Shah Kuala Nerang, Padang Terap, Kedah	1. YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan 2. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
YB Tuan Chow Yu Hui (Raub)	1. Mempercepatkan Pembaharuan Undang-Undang dan Reformasi Institusi 2. Menangani Masalah Persekolahan Golongan Tanpa Kerakyatan	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri 2. YB Menteri Pendidikan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**